

MASALAH DAN PROJEK DALAM PEMBELAJARAN PELAJAR



Bengkel Training Of College Trainers For Problem Based Learning (PBL) / Project-Oriented Problem Based Learning (POPBL) anjuran UTLC, pada 17 hingga 20 Oktober 2011 di Hotel Flamingo, Pulau Pinang telah berlangsung dengan jayanya.

Tujuan bengkel ini adalah untuk memberikan ilmu pengetahuan serta latihan berkaitan pendekatan pengajaran dan pembelajaran bertunjangkan masalah atau projek kepada pelajar di IPT, iaitu pendekatan yang dikenali sebagai PBL/PoPBL. Kumpulan sasaran bengkel ini adalah pensyarah yang bakal menjadi College Trainers bagi PBL/PoPBL yang bertanggungjawab untuk mengendalikan siri latihan yang serupa di peringkat kolej atau pusat pengajian masing-masing. Pelaksanaan bengkel ini adalah untuk menyokong usaha universiti dalam membudayakan pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar.

Komitmen dan kesungguhan peserta dapat dilihat melalui setiap sesi pembentangan di mana mereka telah berjaya menghasilkan draf 'entry documents' untuk beberapa kursus UUM yang sesuai dikendalikan dalam bentuk PBL. Moga segala ilmu yang telah mereka perolehi dalam bengkel ini dapat pula dikongsi dengan rakan-rakan pensyarah yang lain dan menyemarakkan penggunaan PBL di pusat-pusat pengajian.

Pasukan fasilitator yang terlibat mengendalikan bengkel ini adalah Prof. Dr. Rosna Awang Hashim, Prof. Madya Dr. Wan Nordin Wan Hussin, Prof. Madya Dr. Zuaini Bt Ishak, Dr. Nornafezah Yusof dan diketuai oleh Prof. Madya Dr. Nor Aziah Bt Abd Manaf. Seramai 12 pensyarah dari UUM CAS, 11 pensyarah dari UUM COB dan 4 pensyarah dari UUM COLGIS telah menyertai bengkel ini.

Habis.

DARIPADA:
PUSAT PENGAJARAN PEMBELAJARAN UNIVERSITI (UTLC)
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010 UUM SINTOK
KEDAH DARUL AMAN.
TEL : 04-928 4051
FAKS : 04-928 4054
E-MEL : utlc@uum.edu.my
LAMAM WEB : <http://utlc.uum.edu.my>